

09/09/1997

DAP, PRM mahu kerajaan benar jual akhbar parti

KUALA LUMPUR, Isnin - DAP dan Parti Rakyat Malaysia (PRM) mahu kerajaan membenarkan akhbar rasmi parti politik dijual di pasaran terbuka bagi mencerminkan amalan demokrasi dan kebebasan akhbar di negara ini.

Presiden DAP, Lim Kit Siang, berkata sudah sampainya kerajaan membenarkan pengedaran lidah rasmi parti politik kepada orang ramai kerana undang-undang sedia ada, mampu mengawal akhbar yang diterbitkan.

Antara undang-undang berkaitan ialah akta percetakan dan mereka yang mengangap berita yang disiarkan adalah fitnah boleh membuat pendakwaan di mahkamah.

"Akhbar Rocket, terbitan DAP mendapat kelulusan daripada Kementerian Dalam Negeri (KDN) untuk diterbitkan. Bagaimanapun, ia terhad untuk ahli saja.

"Oleh itu, kita berharap selepas ini kerajaan menimbang membenarkan akhbar berkenaan dijual kepada bukan ahli di pasaran terbuka," katanya mengulas kenyataan Perdana Menteri, yang melarang akhbar Harakah dan Rocket dijual secara terbuka.

Berucap menggulung perbahasan di Perhimpunan Agung Umno ke-51 di PWTC, semalam, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, penjualan akhbar berkenaan secara terbuka adalah menyalahi peraturan kerana tidak mempunyai permit daripada KDN.

Sementara itu, Presiden Parti Rakyat Malaysia (PRM), Dr Syed Husin Ali, membantah sekeras-kerasnya keputusan mengharamkan penjualan Harakah kepada orang ramai.

"Sesebuah negara yang mendakwa bebas dan demokratik sepatutnya membenarkan parti politik yang sah di sisi undang-undang menyebarkan berita atau penerangan kepada orang ramai untuk meluaskan pengaruh," katanya.

Di KOTA BHARU, Pas akan mengarahkan akhbar Harakah, lidah rasmi parti itu, membuat permohonan kepada Kementerian Dalam Negeri (KDN) untuk mendapatkan permit bagi membolehkannya diedar dan dijual kepada umum.

Sehubungan itu, Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, meminta pihak berkenaan meluluskan permohonan itu.

Harakah yang diterbitkan oleh Jabatan Penerangan Pas Pusat pada mulanya diedar kepada ahli di seluruh negara dengan harga RM1, tetapi kini dijual secara terbuka.

Kata Nik Abdul Aziz, adalah tidak adil jika pihak berkenaan tidak meluluskan permit kerana ini boleh menjejaskan hak asasi.

(END)